

Soalan No: 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[SEPANG]**

**TARIKH : 15.11.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan:-**

- (a) adakah terdapat satu ketetapan dari pihak Kementerian tentang berapakah jumlah pelajar bagi sebuah bilik darjah; dan
- (b) dalam konteks sekolah di Sepang, berapa banyak sekolah yang telah melanggar ketetapan tersebut, dan jika ada, apakah puncanya dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan ketetapan tersebut diikuti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa saiz yang ideal bagi sesuatu kelas adalah 30 orang murid. Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh mengisi sesebuah kelas sehingga 35 orang murid jika terdapat keperluan.
- (b) Berdasarkan rekod, di kawasan Sepang terdapat tujuh (7) sekolah rendah dan empat (4) sekolah menengah yang mempunyai purata

29

saiz kelas yang melebihi saiz ideal. Punca utama yang menyebabkan saiz kelas yang besar ialah peningkatan jumlah penduduk kesan daripada kepesatan pembangunan dan kewujudan kawasan perumahan baharu yang sukar dijangka menyebabkan bilik darjah tidak mencukupi.

KPM telah mengambil tindakan segera sama ada dengan mengguna pakai sepenuhnya kemudahan fizikal lain seperti seperti bilik khas sebagai bilik darjah atau melaksanakan persekolahan dua sesi. Selain daripada itu, KPM juga mengambil tindakan jangka panjang dengan membuat permohonan bangunan tambahan dan pembinaan sekolah baharu yang kelulusannya tertakluk kepada agensi pusat.